

Dr. Mahathir sentiasa letak kepentingan

UM 27 JUN 2012

KUALA LUMPUR 26 Jun — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad sentiasa meletakkan kepentingan negara sebagai keutamaan walaupun selepas mengumumkan peletakan jawatannya baru-baru ini.

Anak sulung Perdana Menteri, Datin Paduka Marina berkata, keutamaan terhadap negara mungkin membuatkan Dr. Mahathir menimbulkan idea bagi

tempoh peralihan yang disampaikannya sendiri kepada Timbalannya, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan enam pemimpin kanan UMNO yang lain pada Ahad lalu.

“Baginya, negara masih berada di kedudukan utama,” kata Marina ketika dihubungi di sini, hari ini.

Beliau mengulas rancangan tempoh peralihan bagi pelepasan

kuasa oleh Dr. Mahathir kepada Abdullah yang diumumkan semalam.

Sabtu lalu, Perdana Menteri mengejutkan negara dengan membuat pengumuman persaraan semasa menggulung perbincangan pada Perhimpunan Agung UMNO Ke-56, tetapi kemudian bersetuju menimbang semula selepas dirayu oleh Majlis Tertinggi UMNO.

negara sebagai keutamaan — Marina

Menurut Marina, keluarganya berterima kasih kepada UMNO kerana menghormati keputusan yang telah diambil oleh Dr. Mahathir dan menyokong tempoh peralihan yang dicadangkannya.

“Kami juga terkejut dengan pengumuman persaraan itu kerana bapa tidak memberitahu sesiapa pun, tetapi dia berhak berbuat demikian.

“Apa jua alasannya tidak me-

ngapa, asalkan dia okay,” katanya.

Marina berkata, keluarganya sebelum ini amat berharap agar Dr. Mahathir dapat meluangkan lebih banyak masa bersama mereka, tetapi memahami tugas selaku Perdana Menteri mendahului mereka.

“(Sekarang) tentunya kami mahu berkongsi lebih banyak masa dengannya, (sedangkan se-

belum ini) tugas datang dahulu,” ujarnya.

Beliau berkata, Dr. Mahathir bersetuju menangguhkan dahulu persaraan sehingga mesyuarat Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) Oktober tahun depan kerana menganggapnya sebagai satu perjumpaan yang penting bagi Malaysia.

Menurutnya, beliau tidak tahu menahu mengenai perkemba-

ngan politik berikutan pengumuman Dr. Mahathir itu memandangkan ahli-ahli keluarganya tidak dimaklumkan mengennainya.

“Saya sendiri hanya sempat meluangkan masa kira-kira 10 minit sahaja dengannya pada Ahad lalu sebelum beliau bertemu dengan Abdullah (bersama pemimpin UMNO lain) dan kemudian berlepas ke Itali,” ujarnya.